

Anwar: Buat perubahan secara bermuafakat...

Umat Islam digesa eratkan lagi perpaduan

KEPALA BATAS, Isnin. — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim menggesa umat Islam supaya mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan kesungguhan bekerja untuk menjadikan masyarakat Islam negara ini sebagai sebuah masyarakat contoh kepada masyarakat bukan Islam.

Untuk mencapai matlamat ini, mereka yang bertanggungjawab seperti pegawai-pegawai jabatan kerajaan janganlah membabitkan diri dalam rasuah, janganlah berlagak sombong dengan rakyat, jelas beliau.

Encik Anwar yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh membuat gesaan ini ketika berucap di perayaan Israk dan Mikraj peringkat daerah Seberang Perai Utara di Sekolah Kebangsaan Permatang Buloh dekat sini, semalam.

Beliau berkata, masyarakat Islam sekarang hendaklah membuat perubahan secara bermuafakat dan mengubah sikap dari semata-mata mengharapkan bantuan

kerajaan dalam usaha meninggikan syiar Islam.

Di samping itu, katanya, membaiki sesuatu masalah yang berlaku dalam masyarakat Islam adalah menjadi kewajipan semua.

Encik Anwar juga menggesa umat Islam di negara ini supaya menghidupkan kembali 'semangat tradisi Islam'

Oleh AHMAD CHE DOH

yang setiap penganutnya mempunyai peranan masing-masing untuk menayakan setiap kerja dengan semangat bermuafakat.

"Masih banyak masalah yang perlu kita selesaikan dan perbaiki," tambahnya.

Bellau juga menyeru masyarakat Islam di kawasan Permatang Pauh supaya mengambil daya

usaha sendiri dalam kerja-kerja meninggikan syiar Islam seperti membaiki dan menyediakan keperluan di masjid sebagai tempat beramal ibadat.

Menyentuh dasar pandangan ke timur, Encik Anwar menerangkan bahawa tujuan mengambil contoh di bidang teknologi yang dijalankan di Jepun dan Korea adalah tidak bertentangan dengan syiar Islam untuk kemajuan negara.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia